

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

**UNIT PENGURUSAN NON RESIDENT
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

UiTM



EDISI 2022

1.0 PENGENALAN

Buku Panduan ini disediakan khusus untuk pelajar-pelajar UiTM yang tinggal di luar kampus atau dikenali sebagai pelajar Non Resident (NR). Penyampaian maklumat dan panduan berhubung langkah-langkah pencegahan jenayah, pencegahan kebakaran, pencegahan denggi, dan juga peraturan premis kediaman diharap dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar NR agar suasana kehidupan yang kondusif dan selamat dapat dinikmati.

Pada keseluruhannya pelajar NR sentiasa terdedah dengan ancaman-ancaman keselamatan sama ada di tempat-tempat awam mahupun di premis kediaman mereka. Secara amnya semua pelajar NR perlu meningkatkan pengetahuan dan kesedaran peri penting mengambil langkah-langkah awal mencegah jenayah atau kejadian yang tidak diingini.

Buku Panduan Pelajar NR ini secara strategik dapat membantu pelajar NR dalam tindakan-tindakan seperti berikut :

- Memahami peraturan dan hak seorang pelajar UiTM apabila tinggal di luar.
- Menyelamatkan nyawa atau harta benda
- Mengelakkan kecederaan atau kemalangan
- Keselamatan kesihatan lebih terjamin
- Mewujudkan kesedaran menghormati masyarakat sepanjang masa
- Mewujudkan kesedaran "Budaya Bersih dan Sihat" sepanjang masa

BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

2. PENGENALAN UNIT PENGURUSAN NON RESIDENT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2.0 UNIT PENGURUSAN NON RESIDENT

Unit Pengurusan Non Resident, Hal Ehwal Pelajar diwujudkan bagi membantu pelajar Non Resident untuk mendapatkan rumah sewa di sekitar kampus. Unit ini turut bertanggungjawab membantu kebajikan, keselamatan dan penyediaan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan dengan pelajar.

2.1 OBJEKTIF

Mewujudkan sistem pengurusan yang mesra, kemas dan cekap dalam memberi perkhidmatan serta memelihara kebajikan pelajar NR.

2.2 FUNGSI

Unit Pengurusan NR memainkan peranan dalam usaha mengurus dan menjaga kebajikan serta menyelaras aktiviti pembangunan pelajar NR.

2.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN :


1. Menyediakan direktori NR Home untuk memudahkan pelajar mendapat maklumat rumah sewa.
2. Menyediakan maklumat dan garis panduan penyewaan dan panduan Kesedaran Awam untuk pelajar NR.
3. Membantu mengatur program pelajar dan masyarakat dengan penduduk setempat.
4. Menyelaras permohonan pelajar NR mendapatkan tempat tinggal di Kolej Kediaman jika ada kekosongan bagi mereka yang **layak** sahaja.
5. Membantu persatuan NR menjalankan aktiviti dengan pihak yang berkaitan.
6. Memantau dan memelihara kesejahteraan pelajar NR.
7. Menyediakan khidmat nasihat penyewaan rumah seperti kontrak/perjanjian sewaan, kadar harga rumah yang bersesuaian, lokasi rumah dan kawasan persekitaran yang selamat serta cara-cara memilih rumah sewa.
8. Membantu pelajar sekiranya berlaku kes-kes kecemasan seperti **kemalangan, kecurian, jenayah (sivil/syariah), masalah kesihatan** dan pemberian insentif kepada pelajar yang layak.
9. Menyokong permohonan insentif makanan pelajar diploma dan stiker kenderaan pelajar NR.
10. Menyediakan bilik bacaan, bilik aktiviti dan 'locker' pelajar.

Dengan adanya Unit Pengurusan NR, diharap ia dapat melancarkan urusan penempatan, perumahan dan kebajikan pelajar NR.

2.4 APLIKASI ATAS TALIAN E-STIKER

Aplikasi atas talian ini dibangunkan bertujuan memudahkan pelajar-pelajar NR memohon pekat kenderaan masing-masing. Melalui aplikasi ini pelajar boleh memohon dari mana-mana komputer berinternet dan akan mendapat kelulusan dalam tempoh yang singkat dan tidak perlu beratur panjang.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN STIKER KENDERAAN



2.5 DIREKTORI RUMAH SEWA (NR HOME)

Sistem Rent-in mula diperkenalkan pada Januari 2008 dan ditambah baik kepada Sistem NR Home pada tahun 2020 oleh Unit Pengurusan NR, UiTM. NR Home bertujuan memberi maklumat berkaitan rumah sewa kepada pelajar-pelajar yang tidak mendapat kemudahan kolej kediaman. Idea ini terhasil daripada maklum balas yang diterima daripada pelajar seperti;

- a. Sukar mendapatkan rumah sewa
- b. Tiada panduan khusus berkaitan rumah sewa
- c. Kadar sewa tidak menentu
- d. Lokasi rumah sewa yang berselerak
- e. Pemalsuan maklumat dan penipuan oleh pengiklan

Ia juga dilaksanakan bagi menjaga kebajikan, dan membantu pelajar meningkatkan kualiti sosial kehidupan, mewujudkan silaturahim dalam bermasyarakat, di samping dapat mendisiplinkan pelajar sebagai penyewa yang amanah dan bertanggungjawab.

CARTA ALIR e-HEP PROSES PENGGUNAN NR HOME (RUMAH SEWA)



Proses Tamat

6

2.6 STAF RESIDENT NON RESIDENT (SRKNR)

Staf Resident Non Resident adalah individu yang bertanggungjawab ke atas program pembangunan pelajar NR. Antara perkhidmatan yang diberikan oleh SRKNR :

- i. Memantau tatatertib dan sahsiah pelajar NR
- ii. Membantu pelajar dalam kecemasan/sakit/kemalangan/kematian
- iii. Membuat laporan pemantauan permasalahan /kecemasan/dll dari masa kesemasa kepada TNC/ Pengetua NR
- iv. Penasihat kepada Persatuan NR
- v. Membantu melaksanakan program /aktiviti pelajar NR
- vi. Membantu merancang dan melaksanakan program atau perjumpaan bersama masyarakat setempat.
- vii. Bekerjasama dan membantu program yang dijalankan oleh Unit Pengurusan NR, HEP, Universiti dan Masyarakat

Staf Resident Non Resident akan membantu anda **24 jam sehari**. Sila hubungi SRKNR atau Unit Pengurusan Non Resident sekiranya menghadapi masalah. Untuk menghubungi SRKNR, sila dapatkan nombor telefon di laman web nr.uitm.edu.my

2.7 Perkhidmatan Sokongan

➤ Bantuan Kewangan


Sekiranya pelajar-pelajar menghadapi masalah kewangan, sila terus hubungi **Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar (UPKP)**. Antara perkhidmatan yang disediakan;

1. **Pemohonan Pinjaman PTPTN**
 - Borang Pembatalan PTPTN
 - Borang Kenaikan kadar PTPTN
 - Borang Penangguhan PTPTN
 - Borang Perlanjutan Pinjaman PTPTN
2. **Pemohonan Biasiswa / Pinjaman Anak Negeri**
3. **Tabung Dermasiswa**
4. **Pinjaman Tabung Kebajikan**
5. **Tabung Kecemasan Pelajar**
(Kematian/ Kemalangan/ Tabung Bencana Alam)
6. **Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar**
(Pelajar Praktikal)


CARTA ALIR e-HEP KERJA: DERMASISWA (UPKP)




CARTA ALIR e-HEP PERMOHONAN BIASISWA/PINJAMAN (UPKP)



CARTA ALIR e-HEP PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN (UPKP)



CARTA ALIR PERMOHONAN BANTUAN e-ZAKAT (BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH, DAN WAKAF UiTM - ZAWAF)



BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

3. PANDUAN MENYEWA DAN MENDUDUKI RUMAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA

3.0 PANDUAN MENYEWAKAN DAN MENDUDUKI RUMAH SEWA

3.1 PENGENALAN

Panduan ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar memahami hak dan tanggungjawab sebagai penyewa. Ia ditumpukan kepada masalah yang lazimnya dihadapi antara tuan rumah dengan penyewa seperti cagaran, penyelenggaraan dan notis keluar rumah. Gunakan budi bicara mengikut kemampuan individu semasa berurusan dan risalah ini hanya sebagai panduan.

Diharap panduan ini dapat membantu dalam meningkatkan kualiti kehidupan, hubungan penyewa/tuan rumah di samping membantu pelajar-pelajar menjadi penyewa yang bertanggungjawab.

3.2 MENETAP DI LUAR KAMPUS

Terdapat banyak kelebihan dan kekurangan samada tinggal di kolej atau di luar kampus dan ia bergantung bagaimana pelajar-pelajar menyesuakannya. Antaranya adalah :

- Berapa banyak wang yang diperuntukan untuk sewa.
- Beberapa jauh rumah sewa dari UiTM, senang dihubungi menggunakan kenderaan awam dan sebagainya.
- Apakah mempunyai kenderaan sendiri atau terdapat kenderaan awam bagi pengangkutan pergi dan balik kampus.
- Jenis rumah yang dipilih.
- Keselamatan diri dan persekitaran.

**** Anda bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan yang dibuat.**

3.3 PEMERIKSAAN RUMAH

- Bawa rakan bersama, dua atau lebih pandangan lebih baik dari seorang.
- Semasa memeriksa rumah, cuba kenali dan fahami tuan rumah sebaik dan sebanyak mungkin
- Bersedia dengan soalan-soalan dan sebarang keperluan yang perlu ditanya.
- Apakah semua peralatan rumah berkeadaan baik dan boleh digunakan. Sila periksa pintu dan tingkap, pam tandas, pancuran air mandi dan sekiranya rumah tersebut dilengkapi perabot sila periksa kerusi, sofa, meja dan katil.

3.4 SOALAN SEMASA PEMERIKSAAN RUMAH

- Adakah sewa meliputi bayaran api dan air?
- Adakah deposit dikenakan, berapa kadar sewa?
- Adakah perabot disediakan?
- Apakah kerja pembaikan yang perlu dilakukan sebelum pelajar masuk?
- Apakah polisi penyelenggaraan samada kecil atau besar, contoh berapa lamakah kerosakan seperti kebocoran siling akan diperbaiki?
- Dalam keadaan manakah anda akan kehilangan deposit?

3.5 PERJANJIAN

Kebanyakan pelajar tidak meneliti dahulu sebelum sebarang perjanjian ditandatangani. Ramai pelajar tidak memahami hak dan tanggungjawab sebagai penyewa. Kebanyakan tuan rumah adalah jujur dan bertanggungjawab. Walau bagaimanapun terdapat satu atau dua dari mereka tidak bertanggungjawab dengan cuba memanipulasi pelajar.

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian :

- ✚ Jika tidak ada sebarang perjanjian bertulis, sila dapatkan nama dan alamat tuan rumah.
- ✚ Pastikan anda tahu tempoh penyewaan, sewa dan bayaran lain yang perlu dibayar.
- ✚ Pastikan perjanjian tersebut mengandungi kadar sewa secara spesifik. Semak samada penyewaan tersebut untuk tempoh penuh setahun atau 10 bulan.
- ✚ Sekiranya anda atau ruan rumah membuat sebarang persetujuan tambahan, pastikan dibuat secara bertulis.
- ✚ Semua perjanjian mestilah mengandungi jenis kediaman, nama penyewa, tarikh sewa sepatutnya dibayar, kadar sewa, tempoh penyewaan dan syarat dan peraturan lain yang disediakan sekiranya ia mempunyai sebarang peruntukan yang bertentangan dengan undang-undang. Ia termasuklah :-
 - i. Terdapat peruntukan yang membenarkan tuan rumah merampas barangan persendirian sekiranya sewa tidak dibayar.
 - ii. Peruntukan yang membenarkan tuan rumah memotong bekalan air/elektrik, mengarahkan keluar rumah tanpa sebarang notis.
 - iii. Peruntukan yang membenarkan tuan rumah memasuki rumah tanpa memaklumkan kepada penyewa.
- ✚ **Tahukah anda bahawa surat perjanjian di sediakan secara percuma? Sila dapatkan di laman web ; nr.uitm.edu.my**

3.6 PERINGATAN PENTING

Sila failkan sebarang kertas, nota resit berhubung penyewaan dan ini termasuklah sebarang surat dari atau kepada tuan rumah. Fail ini juga mesti mengandungi nota bertulis sebarang perbualan telefon atau perbincangan dengan tuan rumah atau apa-apa tindakan yang telah diambil terhadap sebarang masalah yang timbul. **Pelajar juga boleh mendapatkan format perjanjian menyewa rumah** di nr.uitm.edu.my

3.7 BACA SEBELUM MENANDATANGANI SEBARANG PERJANJIAN

Baca dan Fahami – Sekiranya anda tidak faham sebarang peruntukan tertentu jangan tandatangani sehingga anda bersedia.

Tempoh Penyewaan- Jangan tandatangani perjanjian setahun sekiranya anda bercadang untuk tinggal 10 bulan. Berbincang dengan tuan rumah untuk tempoh yang lebih pendek atau pengurangan bayaran dalam masa cuti.

Pembaikan kerosakan – Tuan rumah adalah bertanggungjawab terhadap pembaikan kerosakan sekiranya ia tedapat dalam perjanjian. Sekiranya tiada sila masukkan di dalam perjanjian tersebut dan minta ianya disahkan oleh tuan rumah.

Perianiian Lisan – Jangan bergantung kepada perjanjian lisan seperti tuan rumah berjanji untuk mengecat semasa cuti. Buat secara bertulis dan sekiranya tuan rumah berpegang kepada janji ia akan menandatangani.

Pengurangan Kadar Bayaran – Penyewa juga mempunyai kuasa tawar menawar semasa penyewaan. Sekiranya sewa tinggi dan keadaan rumah tidak seperti yang dinyatakan oleh tuan rumah penyewa boleh meminta pengurangan sebelum perjanjian ditandatangani.

Cagaran – Sila pastikan cagaran adalah tidak melebihi 2 bulan sewa. Sekiranya lebih elakkan dari berurusan dengan tuan rumah tersebut dan dapatkan alamat penyewaan lain dari Unit Perumahan atau sumber lain.

3.8 MEMILIH RAKAN SERUMAH

Keselesaan hidup di rumah sewa banyak bergantung kepada hubungan sesama rakan serumah. Menghadapi masalah dengan rakan serumah boleh menyebabkan suasana yang kurang selesa sepanjang penyewaan. Pelajar perlu ingat rakan yang baik tidak semesti rakan serumah yang sesuai.

Sekiranya hubungan menjadi renggang anda mungkin kehilangan kedua-dua sekali iaitu rakan yang baik dan rakan serumah.

3.9 PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SEMASA MEMASUKI RUMAH

- Sediakan senarai semak untuk apa yang perlu diperbaiki seperti peti sejuk, pintu dan tingkap sama adanya ia berkeadaan baik.
- Perkenalkan diri kepada jiran. Hubungan yang baik dengan jiran boleh menjamin keselesaan dan keselamatan sepanjang tempoh penyewaan.

3.10 SEWAKTU KELUAR (MENAMATKAN PENYEWAAN)

- Bersihkan rumah supaya keadaannya bersih. Sekiranya tidak dibersihkan, cagaran mungkin akan ditolak kerana boleh menjejaskan imej UiTM dan peluang pelajar lain untuk menyewa turut tergugat.
- Sila aturkan supaya tuan rumah memeriksa rumah sebelum anda keluar.
- Anda mungkin dapat menjimatkan wang dengan memperbaiki sendiri kerosakan kecil dari membiarkan cagaran ditolak.
- Berikan alamat anda kepada tuan rumah supaya senang dihubungi sekiranya terdapat sebarang masalah yang timbul kemudian.

** Sebagai makluman, contoh perjanjian rumah sewa boleh muat turun dari laman web nr.uitm.edu.my Setelah perjanjian ditandatangani, anda boleh menggunakan perjanjian tersebut untuk urusan guaman dan matikan stem duti untuk mengesahkan perjanjian.

BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

4. PESANAN KEPADA SISWA/SISWI

UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA

4.0 PESANAN KEPADA SISWA/SISWI NR

Siswa/siswi yang tinggal di luar (NR) adalah sebahagian dari pada masyarakat luar yang tinggal di sekitar kawasan perumahan berhampiran kampus dan sebagainya. Imej saudara/saudari ini mencerminkan imej UiTM. Penampilan saudara/saudari kepada masyarakat akan menjadi tontonan dan akan dinilai oleh masyarakat setempat.

Imej yang baik di samping prestasi dan graduan yang berkualiti adalah amat penting dari segi menjaga 'pasaran' untuk siswazah sesebuah Universiti seperti UiTM. Justeru, demi kepentingan bersama adalah menjadi kewajipan semua warga UiTM untuk sentiasa **menjaga imej dan nama baik Universiti**.

Adalah diingatkan bahawa **siswa/siswi NR adalah sentiasa tertakluk dengan Akta 174** di sepanjang pengajian sebagaimana yang termaktub di bawah Akta 174, Bahagian II: tata tertib Am,

Para 3:

Seseorang pelajar tidak boleh:-

- a) ***berkelakuan sama ada di dalam, di luar kampus secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik di Universiti, atau kepada kepentingan, kesentosaan, atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau ketenteraman, atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tata tertib.***
- b) ***Melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis di dalam atau di luar kampus.***

Para 24:

Jika seseorang pelajar tidak mematuhi atau melanggar sesuatu arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuatnya, maka pelajar itu adalah bersalah atas kesalahan tertib

Acara Tatatertib

Para 46

Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih akan disatukan sekali:

- a. Amaran,
- b. Denda tidak lebih daripada RM200 (Ringgit Malaysia Dua Ratus).
- c. Penggantungan daripada mana-mana atau daripada kesemua kemudahan-kemudahan Universiti selama tempoh ditentukan.
- d. Pengeklusian daripada mana-mana bahagian Universiti selama tempoh yang ditentukan
- e. Pembuangan daripada Universiti.

➤ **Peringatan Kepada Para Pelajar NR**

Semua pelajar NR **diwajibkan** mendaftar maklumat anda di dalam sistem e-HEP. Sistem ini boleh di akses melalui Sistem Student Portal anda. Antara perkhidmatan yang ditawarkan di dalam system e-HEP seperti:

- **Permohonan Stiker Kenderaan Pelajar NR**
- **Permohonan e-insentif kepada pelajar yang layak**
- **Direktori rumah sewa (NR Home)**
- **Bantuan kewangan (e-zakat)/dermasiswa**

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi pejabat Unit Pengurusan Non Resident di talian 03-55443965/67/ 68 .

BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

5. Etika Pelajar

UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA

5.0 PERBUATAN SALAH LAKU

Terdapat beberapa jenis salah laku yang perlu di beri perhatian oleh pelajar NR dan sering mendapat pandangan negatif daripada masyarakat luar. Antaranya adalah **salah laku Moral/Tatasusila** (Jenayah Syariah/ Sivill) dan **salah laku musnah** (Vandalism)

5.1 SALAH LAKU MORAL/ TATASUSILA - SYARIAH:

1. Persetubuhan Luar Nikah

Mana-mana orang melakukan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa ikatan pernikahan adalah suatu kesalahan di bawah **Bahagian IV, seksyen 25 subseksyen (1), (2),(3) dan (4) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

2. Perbuatan Sumbang Mahram

Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan satu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 22, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

(Maksud Perbuatan Sumbang Mahram - Persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang mengikut hukum syara', dilarang mengahwini antara satu sama lain.)

3. Pelacuran

Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan satu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 21 subseksyen (1) dan (2), Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

4. Muncikari/ Bersubahat

Mana-mana orang yang bertindak sebagai muncikari adalah melakukan satu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 24, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

(Maksud Muncikari - seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa tujuan yang menyalahi hukum syarak.)

5. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah

Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun perbuatan itu tidak sampai ke tahap suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 26, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

6. Hubungan jenis antara orang yang sama jantina

Mana-mana orang yang melakukan hubungan jenis dengan orang yang sama jantina dengannya adalah melakukan suatu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 27, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

7. Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii

Mana-mana orang yang berkelakuan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang adalah melakukan satu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 28, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

8. Khalwat

Mana-mana orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya, atau mana-mana orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau mahramnya di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan **Bahagian IV, seksyen 29, subseksyen (1), (a) dan (b) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

9. Lelaki berlagak seperti perempuan

Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak sebagai perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan di bawah **Bahagian IV, seksyen 30, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

10. Perbuatan tidak sopan di tempat awam

Mana-mana orang yang dengan sengaja bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syara' di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dibawah **Bahagian IV, seksyen 31, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Enakmen No.9 Tahun 1995.**

5.2 SALAH LAKU MORAL/ TATASUSILA – SIVIL :

1. Mencuri
2. Berjudi
3. Minum Arak/ Mabuk
4. Dadah/
5. Pergaduhan
6. Memiliki/ Menyimpan Bahan Lucah
7. Mengganggu Ketenteraman Awam
8. Berkelakuan kurang sopan

5.3 SALAH LAKU MUSNAH - VANDALISM

1. Mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan harta awam.
2. Menyalahguna kemudahan lif sehingga mengakibatkan kecacatan, kemudaratan orang awam dan kerosakan.
3. Menyalahguna, mengubahsuai, mengotorkan atau salahlaku di taman-taman permainan yang disediakan.
4. Mengopak, mencungkil, atau membuka peti surat awam tanpa keizinan.
5. Menunggang, memandu, menolak, menarik, meletak apa jenis kenderaan di tempat selain yang dibenarkan oleh PKNS.
6. Menjadikan bilik A.H.U., riser, stor elektrik dan sebagainya sebagai pusat berehat dan riadah.
7. Membuang, melonggok sampah atau lain-lain yang boleh menyebabkan kekotoran, bau busuk dan jangkitan penyakit.
8. Meludah, membuang air kecil/besar di dalam atau di mana-mana harta awam kecuali di tempat yang disediakan untuk maksud itu.
9. Memasang, melekat, menconteng, menampal, menunjukkan, atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat, tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa dokumen di atas harta awam.
10. Memasang, menambah atau mengubahsuai peralatan elektrik tanpa meminta nasihat daripada pemilik rumah atau Tenaga Nasional Berhad (TNB).
11. Mencuri, mengubahsuai dan seumpamanya sistem bekalan air untuk menambah bekalan atau mengelakkan dari sebarang bayaran oleh pemilik rumah atau JBA.
12. Memotong, menggali, mengalih, memetik, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun di bawah seliaan pemilik premis.

PERINGATAN :

Adalah diingatkan bahawa siswa/siswi NR adalah sentiasa tertakluk dengan Akta 174 sepanjang pengajian sama ada berada di Kolej Kediaman/ Dalam Kampus ataupun di Luar Kampus sebagaimana yang termaktub di bawah Akta 174, Bahagian II: tatatertib Am.

Jika seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih akan disatukan sekali mengikut Acara Tatatertib (Para 46).

5.4 ETIKA PELAJAR NR SEMASA TINGGAL DI LUAR

5.4.1 PERATURAN DAN ETIKA MENDUDUKI RUMAH SEWA

Berikut adalah etika dan peraturan yang perlu dipatuhi semasa mendiami RUMAH SEWA.

▶ **Pembuangan sampah.**

Sampah sarap hendaklah dibungkus di dalam plastik yang sesuai dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan. Sampah sarap seperti perabot lama, besi, botol dan sebagainya hendaklah dibuang terus ke pusat pelupusan sampah, bukannya dilonggokkan di persekitaran kawasan rumah kediaman.

▶ **Tempat letak kereta/ motosikal.**

Sebarang kenderaan mahupun motosikal, hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan supaya tidak mengganggu lalu lintas dan ketenteraman awam.

▶ **Pembakaran sampah.**

Pembakaran sampah sarap di kawasan terbuka adalah dilarang sama sekali.

▶ **Pembuangan/ Pelupusan barang/ perabot yang tidak digunakan**

Jika terdapat barang-barang/ perabot yang hendak dilupus atau dibuang sama ada semasa menduduki rumah atau ketika keluar (menamatkan penyewaan), barangan berkenaan perlulah dibuang/ lupus mengikut prosedur yang ditetapkan

oleh Majlis Tempatan. Dilarang sama sekali membakar atau membuang/ melupus barangan lupus di peskitaran rumah kediaman.

▶ **Perolehan barang dari sumbangan pihak UiTM**

Kebiasaannya barangan/ perabot yang diperolehi dari Bahagian Perolehan UiTM mempunyai kod tanda harta/ logo UiTM. Sebelum menggunakan barangan/ perabot berkenaan, sila pastikan kod tanda harta/logo UiTM telah dipadam terlebih dahulu.

▶ **Vandalisme.**

Sebarang bentuk vandalisme seperti menconteng dinding, merosakkan harta guna sama dan sebagainya sama sekali dilarang.

▶ **Pemeliharaan binatang.**

Penghuni tidak dibenarkan memelihara binatang ternakan atau haiwan kesayangan di dalam unit kediaman dan kawasan rumah jika dikenalpasti akan mengganggu kejiranan/ masyarakat setempat.

▶ **Tempat menvidai pakaian.**

Kain-kain basuhan hendaklah diperahkan airnya terlebih dahulu sebelum disidai untuk mengelakkan lehan air ke tingkat bawah jika rumah yang disewa bertingkat/ pangsapuri/ rumah flat/kondominium.

▶ **Saluran air buangan/najis.**

Bagi mengelakkan kesumbatan yang akan mengakibatkan limpahan najis, penghuni adalah dilarang untuk membuang kain buruk, tuala wanita, botol syampu dan lain-lain sisa pepejal yang akan menyekat pengaliran air di dalam sistem paip.

5.4.2 ETIKA BERMASYARAKAT

Pelajar NR merupakan sebahagian dari komuniti dalam masyarakat yang hidup dan tinggal berjiran di taman-taman perumahan. Sehubungan itu, sebagai ahli masyarakat, saudara/saudari mempunyai tanggungjawab bersama kearah membentuk satu **komuniti yang sihat, selesa dan selamat lagi dihormati.**

Berikut adalah amalan etika bermasyarakat yang mesti dipatuhi selaras dengan tuntutan agama.

Panduan Pelajar 'Non-Resident' (off campus)

1. Mengenal dan sentiasa mempunyai hubungan baik dengan jiran sekeliling kediaman anda dan teman serumah. Kenali nama mereka.
2. Menghormati Jiran/rakan serumah tanpa mengira agama, bangsa dan umur/pangkat.
3. Menjaga adab sopan/tatatertib pergaulan supaya tidak menimbulkan syak wasangka seperti berduan-duan antara lelaki dan perempuan dalam apa-apa jua situasi.
4. Menjaga kehormatan diri dari segi pakaian – tidak mendedahkan aurat/berpakaian yang menjolok mata / berpakaian yang kurang sopan.
5. Menghormati waktu solat dan tempat beribadah.
6. Menjaga kebersihan rumah dan kawasan sekitar.
7. Memelihara ketenteraman dan keharmonian tetangga - tidak menimbulkan gangguan sama bunyi /suara/kenderaan.
8. Meletak kenderaan di tempat yang sesuai dan tidak menghalang lalulintas.
9. Menghadiri jemputan/program yang dianjurkan oleh penduduk setempat/ jawatankuasa masjid/surau/dan sebagainya yang dibenarkan.
10. Tidak menghadiri program/ ceramah/ aktiviti yang dianjurkan oleh individu/ persatuan/ badan politik yang mempunyai kepentingan dan akan menjejaskan nama baik diri dan universiti.
11. Memberi kerjasama atau pertolongan bila diperlukan oleh jiran tetangga/rakan serumah.
12. Memberi kerjasama dan patuhi arahan pihak Berkuasa Tempatan seperti pemeriksaan Denggi dan sebagainya.
13. Tidak mengadakan perkumpulan /perjumpaan yang dilarang atau mendatangkan syak wasangka.
14. Tidak terlibat dengan perkumpulan yang diharam dan dilarang.
15. Menjadi contoh mahasiswa/mahasiswi yang baik dimata masyarakat.
16. Sentiasa memelihara dan menjaga nama baik UiTM sepanjang masa.

BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

6. PANDUAN KESELAMATAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA

6.0 PANDUAN KESELAMATAN

6.1 PANDUAN KESELAMATAN KETIKA BERCUTI


Perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum anda meninggalkan rumah semasa bercuti.

PERKARA	TINDAKAN YANG PERLU	LANGKAH KESELAMATAN
TV dan perkakas lain	TUTUP/'OFF' Tanggalkan semua plug dan soket	Jangan ditutup dengan menggunakan alat kawalan jauh
Aerial TV	Cabut dari soket TV	Jika perlu pasang penyerap petir/kilat.
Gas Memasak (LPG)/ Peti Ais	Tanggalkan kepala gas dari silinder. TUTUP/OFF- Tanggalkan semua plug dari soket, kosongkan dan bersihkan	Asingkan kepala gas dari silinder. Jika dipasang sepanjang tempoh percution, adakan pemutus bekalan berasingan (Separate Circuit Breaker)
Suis Utama	TUTUP/OFF	Jika perlu, pastikan pemutus litar berfungsi dengan baik.
Lampu	TUTUP/OFF	Jika perlu gunakan "Auto Timer"
Kereta	Tanggalkan kepala bateri	Jauhkan bahan mudah bakar dari tempat letak kereta

Panduan Pelajar 'Non-Resident' (off campus)

Akuarium	Letakkan di atas penutup akuarium, jika terbakar pam akan jatuh ke dalam akuarium yang dipenuhi air.	Jauhkan dari dinding, langsir dan bahan mudah bakar, adakan pemutus litar berasingan.
Jiran	Maklumkan kepada jiran	Tinggalkan satu kunci pintu masuk utama dan berikan nombor telefon anda.
Kipas (siling, dinding, berdiri)	TUTUP/OFF Tanggalkan semua plug dari soket	Pastikan tidak berfungsi, tanggalkan plug dari soket sebelum keluar.
Penghawa Dingin	TUTUP/OFF Tanggalkan semua plug dari soket	Jika perlu, adakan 'Auto Timer'
Puntung Rokok/ubat nyamuk atau lilin.	Pastikan semua bentuk punca api telah dipadamkan sepenuhnya sebelum meninggalkan rumah	Pastikan dipadam, dibersihkan dan disimpan di tempat yang sesuai dan selamat sebelum meninggalkan rumah.

CARTA ALIR PROSES JIKA BERLAKU KEBAKARAN



KES-KES JENAYAH

6.2 PECAH RUMAH

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

- Memasang alat-alat keselamatan di pintu utama anda seperti lubang intai, rantai pintu dan selak keselamatan atau tukar tumbol pintu utama.
- Pastikan semua pintu luar dikunci dan sentiasa nyalakan lampu apabila anda ingin keluar dari rumah
- Jangan tinggalkan sebarang nota mengatakan tidak ada orang di rumah.
- Minta bantuan daripada jiran-jiran untuk mengawasi rumah anda semasa ketiadaan orang.
- Gantikan semua kunci apabila kunci rumah anda hilang atau dicuri.
- Hentikan penghantaran (contoh : Surat khabar) apabila anda tiada di rumah untuk beberapa hari.
- Kunci pintu anda setiap kali anda keluar walaupun hanya untuk beberapa minit sahaja.
- Pastikan lampu yang terang dipasang di anjung, pintu masuk dan kawasan luar rumah.
- Pangkas belukar atau pokok yang menyelindungi pintu dan rumah anda.
- Jangan sembunyikan anak kunci di bawah alas kaki atau pasu bunga. Ia adalah tempat yang paling mudah dicari.
- Pasangkan sistem penggera untuk memberi amaran dan mendapatkan bantuan kecemasan.

KES-KES JENAYAH

6.3 RAGUT DAN SELUK SAKU

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

Adalah sukar sekali mengenal pasti peragut atau penyeluk saku. Setiap kali anda berada ditempat yang sesak atau dilanggar oleh seseorang tanpa sengaja, terdapat kemungkinan anda diseluk saku. Peluang untuk mendapat semula harta benda anda adalah tipis tetapi pencegahannya mudah sahaja.

- Bawa wang sekadar mencukupi ketika membeli-belah
- Selindungi wang tunai anda agar tidak menarik perhatian penjenayah ketika membeli-belah.
- Elakkan membawa wang tunai yang banyak dan menunjuk khalayak ramai.
- Bagi wanita, elok silang beg tangan di hadapan anda dan pastikan ia sentiasa dikancing atau dizip.
- Bagi lelaki, elok simpan beg duit di kocek yang berbutang.
- Jangan letakkan beg tangan anda di dalam bakul ,di atas kaunter atau troli membeli belah.
- Periksa segera dompet atau beg tangan anda jika dilanggar atau diasak oleh orang lain.
- Jangan mudah dilalaikan oleh kekecohan yang dilakukan oleh orang yang tidak dikenali dan tawaran untuk menolong membersihkan baju anda.
- Elakkan daripada tertidur semasa menaiki kenderaan awam atau meninggalkan barang kepunyaan anda tanpa dijaga.
- Kepit beg tangan dengan kemas ketika berjalan atau berada di tempat yang sibuk.

KES-KES JENAYAH

6.4 ROGOL

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

Rogol adalah jenayah yang berlaku tidak mengira tempat atau waktu. Namun begitu, kata pepatah "malang tidak berbau" tidak sesuai untuk menggambarkan kejadian rogol kerana kebanyakan kes ini boleh dielakkan dengan mematuhi amalan keselamatan dan pencegahan yang bijak seperti berikut:

- Mengambil sikap berjaga-jaga terhadap persekitaran anda, terutamanya di tempat yang gelap dan sunyi atau keseorangan.
- Kelihatan yakin semasa berjalan.
- Pastikan anda ditemani oleh penumpang lain semasa menaiki kenderaan awam.
- Berhati-hati apabila seseorang yang disyaki atau dicurigai merayau di kawasan-awam seperti tandas.
- Sentiasa berjaga-jaga bila menuju kearah kenderaan anda.
- Sentiasa memeriksa kenderaan anda sebelum masuk.
- Adalah baik jika anda diteman ketika menaiki lif. Elakkan menggunakan lif di tempat yang sunyi atau terpencil dengan orang yang tidak dikenali.
- Jangan menerima jemputan daripada orang baru Kenali.
- Maklumkan keluarga anda tentang aktiviti anda dan tempat yang akan dikunjungi.
- Belajar ilmu mempertahankan diri untuk melindungi anda.

KES-KES JENAYAH

6.5 KECURIAN KENDERAAN

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

Walaupun sukar mencegah kecurian kenderaan oleh pencuri professional, fakta menunjukkan jenayah ini masih boleh dicegah kerana kebanyakan kes ini masih boleh dicegah kerana kebanyakan kes ini dilakukan oleh penjenayah amat. Semua ini boleh dihindari dengan mudah jika anda mengikut langkah-langkah berikut:

- Letakkan kenderaan anda di tempat yang terang.
- Kuncikan pintu kenderaan anda walaupun sedang Memandu.
- Sebelum meninggalkan kenderaan anda, simpan semua barang anda di tempat sukar dilihat, termasuk bungkusan dan kotak.
- Pastikan semua pintu dan tingkap ditutup dan dikunci sebelum meninggalkan kenderaan anda.
- Alihkan plat muka atau audio CD sebelum meninggalkan kenderaan anda.
- Kunci roda motosikal anda dengan mangga yang kuat.
- Jangan serahkan kunci kenderaan anda kepada jockey.

KES-KES JENAYAH

6.6 Jenayah Syariah/ Sumbang Mahram

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

Walaupun sukar mencegah berlakunya jenayah syariah, tetapi ia menjadi tanggungjawab setiap pelajar bagi memastikan jenayah ini tidak berlaku. Bagi menjaga nama baik Universiti dan masyarakat, semua ini boleh dihindari dengan mudah. Jika anda:


- Terlihat kemungkinan akan berlakunya perkara jenayah ini seperti pasangan lelaki dan perempuan bukan muhrim berada dalam situasi yang mencurigakan di kawasan rumah, tangga atau jiran sebelah,
- Rakan serumah membawa pulang pasangannya ke rumah,
- Terdapat perkara yang tidak sepatutnya yang dilakukan oleh pasangan lelaki perempuan di sekitar kawasan perumahan anda, dan kawasan awam seperti taman permainan, taman riadah atau tasik, kawasan tempat letak kereta dan sebagainya.

Sila ikuti langkah-langkah berikut:

- Kenalpasti pesalah dan jenayah yang dilakukan. Dapatkan butiran penting seperti masa kejadian, lokasi kejadian atau nombor pendaftaran kenderaan jika ia berlaku didalam kenderaan.
- Maklumkan kepada SRKNR / PB UiTM dan minta nasihat untuk tindakan selanjutnya.
- Sekiranya serius, hubungi Pihak berkuasa, Jabatan Agama Islam atau wakil penduduk
- Sentiasa membuat pemantauan di tempat kejadian dan laporkan kepada pihak berkuasa sefibanya di tempat kejadian

Anda diminta supaya tidak bersubahat dalam berlakunya jenayah ini bagi menjaga nama baik warga pelajar NR, masyarakat serta Universiti amnya.

CARTA ALIR JIKA BERLAKU JENAYAH (SYARIAH /SIVIL)




KES KESIHATAN

6.7 DEMAM DENGGI

Bagaimana anda boleh mengelakkannya

- Anda perlu menjaga kebersihan persekitaran kediaman anda.
- Hapuskan bekas dan tempat-tempat yang boleh menakung air.
- Bersihkan tangki air, pam tandas dan kolah mandi sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.
- Gunakan semburan racun serangga /kelambu / Abate.
- Segera ke klinik jika anda demam kuat yang mengejut disertakan dengan sakit sendi-sendi atau otot-otot dan bintik-bintik di badan.
- membenarkan pihak Jabatan Kesihatan MBSA untuk membuat kajian Aedes dan semburan racun serangga.
- Jangan berada di luar rumah pada awal pagi dan senja (jam 6.00 hingga 8.00) kerana nyamuk Aedes aktif pada masa ini.
- Jangan biarkan bekas yang boleh menakung air di dalam dan di luar rumah.
- Jangan buang sampah merata-rata.
- Jangan terima pelawaan semburan racun serangga dari pihak yang tidak bertanggungjawab.

CARTA ALIR KES KECEMASAN /KEMATIAN



BUKU PANDUAN PELAJAR NON RESIDENT

7. DIREKTORI NON
RESIDENT UiTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA

7.0 ALAMAT PERHUBUNGAN/ STAF RESIDENT NON RESIDENT :

ALAMAT PERHUBUNGAN

Alamat perhubungan dalam buku panduan ini adalah bagi tujuan memudahkan para pelajar untuk menghubungi pegawai dan staf UiTM jika ada sebarang kecemasan dan bantuan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, siswa/siswi adalah digalakkan untuk berdikari dan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan terlebih dahulu permasalahan yang timbul sebagai kaedah penilaian sendiri

STAF RESIDENT NON RESIDENT

Staf Resident Non Resident bertanggungjawab terhadap perihal kebajikan pelajar NR dari segi aktiviti, sahsiah serta pemantauan sosial. Di samping itu jika berlaku sebarang kecemasan mereka dapat dihubungi untuk membantu menerusi talian yang disediakan.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Pihak Berkuasa Tempatan adalah pihak berwajib yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan serta permasalahan yang berkaitan dengan penyelenggaraan kawasan sekitar rumah kediaman. Antara pihak berkuasa tempatan tersebut seperti Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan sebagainya. Di samping itu jika berlaku sebarang vandalisme dan masalah berkaitan penyelenggaraan bangunan mereka dapat dihubungi untuk membantu menerusi talian yang disediakan.

PIHAK BERKUASA (Polis DiRaja Malaysia / Hospital / Jabatan Agama Islam)

Beberapa pihak tersebut bolehlah dihubungi terus menerusi talian yang disediakan bagi membantu pelajar menyalurkan permasalahan serta kes-kes yang serius. Para pelajar juga diingatkan agar segera memaklumkan masalah yang dihadapi kepada Staf Resident Non Resident (SRKNR) supaya pemantauan dapat dijalankan bersama pihak-pihak tersebut.

BAHAGIAN KESELAMATAN UiTM

Bahagian Keselamatan UiTM adalah pasukan yang bertanggungjawab dengan keselamatan di dalam kampus serta berkoordinasi dengan pihak berkuasa.

7.1 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA ,SHAH ALAM


7.1.1 ALAMAT PERHUBUNGAN :

Unit Pengurusan Non Resident
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 1, Kompleks Prima Siswa,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Telefon: 03-5544 3965 / 3967/ 3968 / 2189/ 3537
email : upnruitmsa@uitm.edu.my

Maklumat Staf Resident Non Resident SRKNR, boleh didapati di:

Website : <https://nr.uitm.edu.my/>
Telegram: info@nruitmsa
Instagram/Twitter: nruitmsa
Facebook : jpnruitmsa



7.1.2 Keselamatan & Kesihatan UiTM	
Pusat Kesihatan UiTM (Hotline)	03-55443833/ 3630
Polis Bantuan UiTM	03-55442157/ 3999/ 4444
7.1.3 TALIAN UTAMA PIHAK BERKUASA	
Balai Polis	
Seksyen 6, Shah Alam	03-55194622
Seksyen U13, Shah Alam	03-3422222
Seksyen 15, Shah Alam	03-55103910
Seksyen USJ 8 Subang Jaya	03-78627289
Klang	03-33762222
Hospital	
Hospital Shah Alam	03-55263000
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	03-33757000
Pusat Perubatan Universiti Malaya	03-79494422
Hospital Kuala Lumpur	03-26155555
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM	03-91455555
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM	03-33963000
Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam	03-55186531
Bomba	
Shah Alam	03-55194444
Klang	03-33424444
TNB	
Shah Alam	03-55102020
Pengurusan Air Selangor	15300
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)	03-33715921
Jabatan Agama Islam Selangor	03-55143400
Majlis Bandaraya Shah Alam	03-55222703
Bahagian Aduan	1800-88-4477

7.1.4 Talian Jawatankuasa bersama Penduduk dan UiTM

PIHAK PENGURUSAN APARTMENT/KONDOMINIUM Apartment Baiduri

En.Abdul Majid Basir
Pejabat Pengurusan
Apartment Baiduri
Tingkat 1, Blok 4
Jalan Persiaran Institut
Seksyen 7
40000 SHAH ALAM
Tel ; 55105640 /012-3159759/Encik Hanafi : 018-2222960

Kondominium Kristal

Tun Saiful Aman
Pengerusi
Penduduk Kondo Kristal
Tel : 017-3391755

AJK PENDUDUK

- **Seksyen 20**
En.M.Sazali b.Tarmizi
Pengerusi
Rukun Tetangga Sri Tupai
No.6 Jalan 20/16C
Seksyen 20
40000 SHAH ALAM
Tel : 012-2658805 No.Faks :
55223521
- **Seksyen 2**
Encik Mohd Idris bin Md Amin
Setiasaha Surau
13 Jalan Bunga Tanjung 2/16
Seksyen 2
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-2076616
- **Seksyen 3**
Tuan Haji Hashim Samsudin
No.3 Jalan Ketau 3/10
Seksyen 3
40000 SHAH ALAM
55193330
- **Seksyen 7**
Encik Shukri bin Ahmad Zainuddin
No.Telefon – 013-3973121
Setiasaha Persatuan Penduduk
Jalan Kristal
NO.93 Jalan Kristal 7/76
40000 SHAH ALAM
- **Seksyen 24**
Encik Rosli bin Sihat
Pengerusi Rukun Tetangga
Seksyen 24
No.14 Jalan 24/28F
Seksyen 24
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-3587399
- **Seksyen 2**
Encik Mohd Rashid Abu Bakar
77 Jalan Bunga Tanjung 2/16
Seksyen 2
40000 SHAH ALAM
Tel : 012-3856190
- **Seksyen 7**
40000 SHAH ALAM
Faks : 55445747(SIRIM)

**Tertakluk kepada perubahan semasa

Mohd Azhar Hj Othman
Setiausaha Kehormat MPP Zon 1
NO.14 Jalan Lazurit 7/17
40000 Shah Alam
Tel: 019-2677289

Encik Edan bin Edi
Pengerusi
Jawatankuasa MPP PKNS Fasa
3C Seksyen 7
No507 Blok 12 FASA 3 C,
Jalan Plumbum 7/95, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Tel : 019-6976732

Encik Mat Shah Riduan bin
Baharom
Pengerusi Jawatankuasa
Penduduk
Pangsapuri Nilam Sari
Seksyen 7
Tel : 017-2761179

Encik Osman bin Mohd Jizam
Ahli Jawatankuasa Penduduk
Pangsapuri Nilam Sari
Seksyen 7
Tel : 017-3058036

• **Seksyen 8**

Encik Kamal Yusof
No.5 Jalan 8/19,
Seksyen 8
40000 SHAH ALAM
Tel : 012-3819209

Encik Shahrudin b.Jaffar
No.49 Jalan Cerun 8/1C
Seksyen 8
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-3466206/03-55124457

• **Seksyen 10**

Hj Mohd Razali bin Abdullah
No.5 Jalan Songket 10/5
Seksyen 10
40100 Shah Alam
No.Tel:019-2171795

• **Seksyen 11**

Encik Zulkifli bin Abdul Rahman
11 Jalan Wau Enam 11/1F,
Seksyen 11
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-361 1559/03-5515028

Hj Zainal Arif Mohd Samen
No.3 Jalan Nobat 11/5A
Seksyen 11
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-3310577/03-55121018/03-
55694677

• **Seksyen 16**

Hj Mohd Kassim Hj Abdul Hamid
7A Blok 2, Flat PKNS
Seksyen 16
40000 SHAH ALAM
Tel : 013-3642258/03-55192616

Encik Jamaluddin b Putih
Pengerusi Jawatankuasa
Penduduk Flat Seksyen 16
NO.2 Blok 23 Flat 16
Seksyen 16
40000 SHAH ALAM
Tel : 019-3774478

• **Seksyen U12**

Encik Ahmad Shakri Tarmuchi
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Seksyen U12
40000 SHAH ALAM
03-55443023 (Unit Kenderaan)

**Tertakluk kepada perubahan semasa

- **Padang Jawa**
Encik Abdul Hamed Shaharudin
Ketua Kampung
Kampung Padang Jawa
Lot 627A Jalan Mat Raji
Padang Jawa
40200 Shah Alam
Tel : 012-3672601 /012-9426473
- **Seksyen 11**
Hj Musa bin Labai Mat Salleh
NO.6 Jalan Silat Gayung
11/3A, Seksyen 11
40000 Shah alam
Tel : 019-3845073/03-55195258
- **Seksyen 18**
Encik Zulkifli bin Osman
65 Jalan Rotan Semut 18/28
Seksyen 18
40200 SHAH ALAM
Tel:012-6674196
- Encik Shukor bin Hitam
303 Blok 3 Jalan 18/47
Seksyen 18
40200 SHAH ALAM

7.1.5 PEGAWAI PERHUBUNGAN NON RESIDENT DI FAKULTI

Jika terdapat masalah mengenai Non Resident, anda juga boleh menghubungi Pegawai yang dilantik di Fakulti Seluruh UiTM Shah Alam

1	Kolej Pengajian Seni Kreatif	Prof. Dr. Amer Shakir Zainol (Dekan Hal Ehwal Pelajar)
2	Kolej Pengajian Kejuteraan	Prof. Ts. Dr Azlina Idris (Dekan Hal Ehwal Pelajar)
3	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Infomatik dan Media	Encik Mohd Nazrul Mohd Amin (Dekan Hal Ehwal Pelajar)
4	Kolej Pengajian Alam Bina	Sr. Dr. Ahmad Shazrin Mohamed Azmi (Dekan Hal Ehwal Pelajar)
5	Fakulti Perakaunan	Dr. Muhamad Ezrien Mohd Kamal (Timbalan Dekan)
6	Fakulti Sains Gunaan	YM Prof. Madya ChM. Dr. Raja Razuan Raja Deris (Timbalan Dekan)
7	Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi	Prof. Madya Dr. Mohamad Rahizam Abdul Rahim (Timbalan Dekan)
8	Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi	Dr. Mazlan Che Soh (Timbalan Dekan)
9	Akademi Pengajian Bahasa	Dr. Muhamad Zaidi Zakaria (Timbalan Dekan)
10	Fakulti Undang-Undang	Dr. Siti Hafsyah Idris (Timbalan Dekan)
11	Akademi Pengajian Islam Kontemporari	Dr Hajar Opir (Timbalan Dekan)

**Tertakluk kepada perubahan semasa

44

PENULIS ASAL:

AMIZAR MOHD AMIN
DIAN NURSYABANIZAM JAMALUDIN

PENULIS & PENYUNTING EDISI 2022:

IKHWANA MISNAN
HISYAM CHE MAT
RADHIAH MOHD RAZAK
MUHAMAD AMALUDDIN FITRI MOHD AMIN

